

Bekerja dari rumah (Bdr): Profil dan prestasi pekerja semasa covid-19

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan banyak perubahan yang dramatik dalam isu pekerjaan dan bagaimana kesinambungan pekerjaan dapat dilaksanakan. Ini telah mendesak kerajaan untuk mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi menyekat penularan COVID-19 di Malaysia. Pengaturan kerja fleksibel membolehkan pekerja bekerja dari rumah (BDR) sebagai satu bentuk kesinambungan kerja pada masa krisis terutamanya semasa COVID-19 dan PKP. BDR secara amnya adalah terpakai kepada majikan dan pekerja semasa berlakunya pandemik COVID-19. BDR juga dilihat sebagai salah satu langkah bijak untuk mengurangkan penularan pandemik COVID-19 dengan menyekat interaksi fizikal di tempat kerja. Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat hubungan di antara profil atau latarbelakang demografi pekerja yang dapat mempengaruhi prestasi bekerja dari rumah (BDR) semasa situasi COVID-19 di kalangan pekerja sektor awam di Tawau dan Semporna Sabah. Kajian ini menggunakan data primer berdasarkan soal selidik berstruktur untuk mengetahui hubungan antara profil responden dengan prestasi kerja semasa BDR secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa profil responden seperti daerah, gender, umur, status perkahwinan, jawatan, Kawasan tempat tinggal, anak dan pengalaman kerja boleh mempengaruhi persepsi tentang prestasi kerja BDR di Tawau dan Semporna, Sabah semasa pandemik COVID-19. Penemuan ini diharap dapat menambah kajian literatur lalu mengenai hubungan profil dan prestasi pekerja semasa BDR. Kerajaan dan majikan harus mengambil pelbagai langkah untuk mendorong pekerja tetap mempunyai prestasi yang tinggi semasa BDR demi kesinambungan pekerjaan dalam norma baru COVID-19.